



TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
EDUCATION POLICY AND DEVELOPMENT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 3, BLOK E8, KOMPLEKS E
LEVEL 3, BLOCK E8, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146
Portal : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KP(BTP-PENT)8800/35/3 Jld.4 (21)
Tarikh : 20 Jun 2016
15 Ramadan 1437

YAYASAN ASTRO KASIH (1008882-A)
Tingkat 3, Bangunan Pentadbiran
Pusat Penyiaran Seluruh Asia
Taman Teknologi Malaysia
Lebuhraya Puchong - Sg Besi Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
(u.p.: Emeryl Jolyn Gasper)

**KEBENARAN MENJALANKAN PEMASANGAN DAN PENYELENGGARAAN
PERALATAN KAMPUS ASTRO BERSAMA KOMUNITI SEKOLAH (KABKS)
DI SEKOLAH-SEKOLAH DAN INSTITUSI-INSTITUSI PENDIDIKAN KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bersetuju dengan Yayasan Astro Kasih (1008882-A) melaksanakan projek Kampus Astro Bersama Komuniti Sekolah (KABKS) bagi menyokong matlamat dan usaha KPM untuk membawa kandungan dan pengalaman yang holistik kepada murid-murid.
3. Sehubungan itu, pemasangan dan penyelenggaraan peralatan KABKS di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan KPM akan dijalankan oleh pihak Yayasan. Kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan ini akan dipantau bersama-sama Guru Perpustakaan dan Media (GPM)/Pegawai Teknologi Pendidikan/Juruteknik Komputer (FT17) Pusat Kegiatan Guru (PKG)/pegawai Pusat Teknologi Pendidikan Bahagian (PTPB)/Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN).

4. Adalah dimaklumkan bahawa pembekal (ASTRO) perlu mematuhi perkara berikut:
- i. Mempunyai kad kuasa bergambar;
 - ii. Memaparkan kad pengenalan diri; dan
 - iii. Surat kebenaran kakitangan yang akan menjalankan tugas pemasangan dan penyelenggaraan.

5. Pembekal (ASTRO) juga perlu membuat temujanji dengan wakil rasmi sekolah/ institusi pendidikan tersebut bagi tujuan pembekalan dan penyelenggaraan peralatan KABKS yang dinyatakan dalam Memorandum Persefahaman (MoU) seperti:

PERALATAN YANG DIBEKALKAN	
Pemasangan Baharu	Penyelenggaraan Jika Rosak
TV	Kad Pintar (Smart Card)
Set Dekoder (DMT-5)	Set Dekoder
Kad Pintar (Smart Card)	<i>Out Door Unit (ODU)</i>
<i>Out Door Unit (ODU)</i>	

6. Selain itu, pembekal (ASTRO) dikehendaki melaporkan diri dan memohon kebenaran daripada pihak pentadbiran sekolah/institusi pendidikan berkenaan. Jika gagal pihak pentadbiran berhak untuk tidak membenarkan pembekal (ASTRO) melakukan sebarang tindakan lanjut tanpa sebarang amaran atau notis.

7. Melalui surat ini, pembekal (ASTRO) diberi kebenaran bagi menjalankan pemasangan dan penyelenggaraan peralatan Kampus Astro Bersama Komuniti Sekolah (KABKS) di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan mematuhi semua syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas.

8. Kerjasama pihak Yayasan dalam menjayakan Program KABKS ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“SEHATI SEJIWA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' SRI HAJI KHAIRIL BIN HAJI AWANG
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. Pengarah Pelajaran,
Jabatan Pendidikan Negeri

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri